

05 APR 1997

Mahathir-Pengkisahan

PENKISAHAN DR MAHATHIR PERLU DIADAKAN SECARA TERBUKA

LANGKAWI, 5 April (Bernama) -- Pelbagai lapisan masyarakat termasuk pemimpin kerajaan, politik dan pelajar mahu program Pengkisahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa zaman remajanya ditonjolkan secara meluas dan terbuka supaya lebih ramai generasi muda mengenali sejarah pemimpin terulung negara.

Anggota Exco Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin berkata, pengkisahan itu boleh diadakan bukan sahaja di semua daerah di negeri ini malah di seluruh negara untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengetahui sejarah pemimpin negara yang disegani sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Pada masa dulu, rakyat mengasihi seseorang pemimpin kerana mereka mengetahui dan mengenali sejarah pemimpin berkenaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis itu.

Kakak Perdana Menteri, Puan Hajah Habsah Mohamad Iskandar, rakan sekelas dan sepermainan Haji Osman Bakar dan Haji Hussein Abdul Rahman serta kawannya Mustafa Ismail turut hadir sebagai anggota panel majlis pengkisahan yang dipengerusikan bekas Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Zakiah Hanum Haji Abdul Hamid di sini, hari ini. Ia dirasmikan oleh Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Datuk Abdul Halil Mutalib.

Majlis itu mendapat sambutan di luar dugaan kerana dipenuhi lebih 400 orang termasuk pelajar sekolah menengah, rendah dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Program pengkisahan yang pertama kali diadakan itu turut dirakamkan dalam bentuk video bagi tujuan rekod dan penggunaan penyelidikan sejarah.

Hasnan berkata, rakyat Malaysia boleh mengasihi pemimpin mereka dengan lebih dekat apabila mengetahui sejarah latar belakang kehidupannya, katanya.

Beliau berkata, usaha mengadakan program amat wajar supaya golongan remaja lebih mengetahui sejarah kejayaan Dr Mahathir semasa remaja yang boleh dijadikan teladan dan ikutan.

Anggota Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib mengucapkan tahniah kepada Gelaria Perdana dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis yang berjaya mengambil langkah positif mengadakan majlis itu.

Dengan cara sedemikian, katanya sejarah Perdana Menteri dapat direkodkan bukan sahaja untuk generasi sekarang malah pada masa akan datang.

Beliau yang sering mengiringi Dr Mahathir semasa mengadakan lawatan ke sini menganggap Dr Mahathir seorang pemimpin yang mahu melihat Malaysia maju.

Pelajar Tingkatan Empat, Sekolah Menengah Mahsuri, Nur Suriawati Abdul Nasir 17, juga berharap penganjur mengadakan majlis pengkisahan di tempat terbuka.

Katanya, keadaan hari ini tidak begitu selesa kerana dewan penuh sesak sehingga sebilangan yang hadir terpaksa duduk atas lantai.

"Kami mahu mengetahui secara lebih luas sejarah pemimpin kita yang telah mengharumkan Malaysia ke peringkat antarabangsa dan wajar majlis itu dapat diadakan lebih lama," katanya.

Nur Suriawati yang tertarik dengan prinsip Dr Mahathir melaksanakan sesuatu perkara dengan cepat dan menepati masa, menyarankan supaya Dr Mahathir sendiri dijemput menyertai pengkisahan itu supaya banyak soalan

mengenai beliau dapat diutarakan.

Seorang lagi pelajar, Harvinder Singh a/l Fauja Singh, 16, dari sekolah yang sama berkata, pengkisahan yang diadakan amat baik dan boleh dijadikan panduan hidup yang menunjukkan kesungguhan Dr Mahathir bukan sahaja semasa remaja tetapi sehingga kini terus berjuang untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan disegani.

Pengerusi JKKK Kampung Kuala Melaka, Fadzil Din menyarankan Galeria Perdana mengadakan Forum Perdana yang bukan sahaja dianggotai keluarga dan sahabat Dr Mahathir tetapi juga pakar-pakar sejarah untuk bersama-sama memberikan pendapat dan pandangan.

Osman, 75, berkata pentingnya pendidikan dan ilmu pengetahuan merupakan agenda utama keluarga Dr Mahathir, yang dijadikan sebagai asas untuk meraih kejayaan.

Menurutnya, bapa Dr Mahathir, Mohamad Iskandar amat mementingkan pendidikan serta ilmu pengetahuan dan tegas dalam setiap pergerakan anak-anaknya.

Mohamad, seorang guru Melayu pertama yang dilantik menjadi guru besar Sekolah Inggeris Kerajaan di Alor Setar amat tegas dalam hal pendidikan dan sentiasa mengawasi Dr Mahathir serta abangnya Mashahor supaya berada di meja belajar untuk membaca dan membuat kerja sekolah.

"Bagi Pak Mohamad, tanpa pendidikan anda tidak akan ke mana-mana dalam kehidupan ini," katanya.

Osman berkata Mohamad membuat peraturan tetap supaya Dr Mahathir dan abangnya mengaji Al-Quran daripada seorang guru agama, Ustaz Zakaria Mohd Nor selama satu jam mulai pukul 4 hingga 5 petang setiap hari.

Ustaz Zakaria juga diberi keizinan untuk memukul Dr Mahathir dan abangnya jika mereka "tuang" (tidak pergi mengaji). Katanya selepas kelas Quran itu, bapanya akan memerhatikan anak-anaknya membuat kerja sekolah dan mengajar bahasa Inggeris.

Osman berkata beliau mengambil kesempatan belajar di rumah Dr Mahathir yang pada masa itu merupakan antara sebilangan rumah Melayu yang mempunyai bekalan elektrik.

"Dr Mahathir tidak pernah ponteng sekolah," katanya ketika menjawab seolam seorang pelajar.

Menurut Osman, Dr Mahathir merupakan seorang yang amat tabah menghadapi dugaan hidup dan pernah membuka gerai bersamanya menjual kuih, air halia, air teh dan kopi semasa zaman pendudukan Jepun.

Katanya, Dr Mahathir yang lebih mesra dipanggil Che Det adalah seorang yang berdisiplin dan meminati permainan ragbi, berbasikal dan suka menyanyi.

Selain tidak suka membuang masa, Dr Mahathir meminati aktiviti pertukangan tangan.

Habsah, yang berumur sekitar 80an berkata adiknya suka belajar dan banyak bertanya mengenai perkara yang tidak diketahuinya, di samping suka membuat perkara yang tidak boleh dibuat orang lain.

Katanya, selain tidak suka melambat-lambatkan kerja dan sentiasa mahu cepat, Dr Mahathir adalah seorang yang menepati masa.

Mustafa pula yang mengenali Dr Mahathir semasa berniaga di Pekan Rabu berkata, Dr Mahathir amat berminat dengan bidang perniagaan dan sanggup berhenti kerja daripada bertugas sebagai doktor kerajaan untuk membuka kliniknya sendiri, yang dikenali dengan Klinik MAHA di Alor Setar.

Mustafa, bekas Pengerusi Koperasi Pekan Rabu berkata Dr Mahathir sentiasa berpandangan jauh dan sering melihat bidang perniagaan sebagai satu bidang yang menguntungkan.

Katanya, dengan bantuan Dr Mahathirlah, bangunan Pekan Rabu di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar dapat diwujudkan sebagai tempat kaum Bumiputera berniaga. -- BERNAMA

IZ HS OBA